

24/07/2001

Abdul Hamidy dilantik Pengarah Urusan Danaharta

ABDUL Hamidy Hafiz, pengarah operasi Danaharta dilantik sebagai pengarah urusan Danaharta berkuatkuasa 1 Ogos, 2001 menggantikan Datuk Azman Yahya.

Dalam satu kenyataan Pejabat Perdana Menteri semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Azman akan menggantikan Raja Tun Mohar Raja Badiozaman sebagai pengerusi Danaharta berkuatkuasa tarikh yang sama.

Perdana Menteri berkata kerajaan sangat menghargai kepimpinan Raja Mohar dalam menubuhkan Danaharta sehingga menjadi sebuah agensi yang dihormati di seluruh dunia kerana profesionalisme dan dedikasi di dalam menyelesaikan masalah hutang-hutang tidak berbayar (NPL).

Sementara itu, Azman juga akan menggantikan Datuk C Rajandram sebagai pengerusi Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

Berikutan pelantikan berkenaan Rajandram akan memberi fokus kepada tanggungjawab beliau sebagai timbalan pengerusi eksekutif Rating Agency of Malaysia Bhd dan RAM Consultancy Services Sdn Bhd.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, pelantikan Azman sebagai pengerusi CDRC yang baru adalah diharapkan dapat meningkatkan usaha penyelarasan Danaharta dan CDRC dalam merangka skim baru penyelesaian hutang peminjam korporat, mungkin dengan menggunakan kuasa-kuasa khas Danaharta.

Pada masa ini, CDRC tidak mempunyai kuasa khas dan pencapaiannya banyak bergantung kepada skim penyusunan semula yang dilaksanakan secara sukarela.

Tempoh pelantikan ahli lembaga pengarah Danaharta iaitu Datuk N Sadasivan dan Datuk Richard Ho, kedua-duanya mewakili sektor swasta Malaysia dan juga Alister Maitland sebagai wakil komuniti perniagaan antarabangsa, diperbaharui sehingga 30 Jun, 2003.

(END)